

Lapangan Terbang Sibu Yang Dinaik Taraf Hadiah Hari Malaysia, Kata Najib Bernama
16 September, 2012

SIBU, 16 Sept (Bernama) -- Lapangan Terbang Sibu yang dinaik taraf dengan kos RM136.9 juta dan kini siap sepenuhnya, adalah hadiah istimewa Hari Malaysia kepada rakyat Sarawak, khasnya di Sibu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata kejayaan Kementerian Pengangkutan melaksanakan pembesaran lapangan terbang tersebut dalam masa dan bajet yang ditetapkan, membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) menunaikan janji selama ini berbanding dengan janji kosong pihak pembangkang.

"Menyedari hakikat untuk meningkatkan ekonomi Sarawak dan bagi menentukan peluang tersebut dapat dipenuhi, Lapangan Terbang Sibu akan menjadi pintu masuk ke Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score)," katanya ketika berucap pada majlis perasmian terminal baru lapangan terbang itu di sini.

Antara kemudahan yang dinaik taraf adalah pembesaran bangunan terminal daripada 8,040 meter persegi kepada 15,240 meter persegi, pemasangan dua unit lagi jambatan udara dan penambahan empat ruang parkir yang membolehkan pemakiran serentak tujuh buah pesawat kod C.

Dari segi sektor pelancongan, Najib berkata sejumlah 3.8 juta pelancong direkodkan melawat Sarawak, termasuk 38 peratus pelancong asing, setakat ini berbanding dua juta pelancong pada tempoh yang sama tahun lepas.

Pada tahun lepas, Sarawak turut mencatatkan sebanyak RM7.2 bilion sebagai aliran masuk ke negeri ini, yang menyumbang 13.5 peratus kepada pendapatan domestik keseluruhannya, kata perdana menteri.

Terdahulu, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata projek yang disiapkan itu melambangkan bahawa kerajaan persekutuan menghargai sensitiviti penduduk tempatan, sesuai dengan aspirasi rakyat di wilayah tengah Sarawak, terutamanya untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha berkata dengan penaiktarafan itu, Lapangan Terbang Sibul berjaya meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 700,000 setahun kepada 1.8 juta setahun.

Katanya penambahan kemudahan ini akan dapat meningkatkan kecekapan pengendalian penumpang daripada 330 orang sejam kepada 900 orang sejam pada waktu puncak, katanya.

Beliau berkata bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos 2012, lapangan terbang itu mengendalikan pergerakan seramai 781,079 penumpang berbanding 727,097 penumpang bagi tempoh yang sama tahun lepas, dengan pertambahan seramai 53,982 orang atau peningkatan sebanyak empat peratus.

Sejumlah 44 penerbangan dikendalikan sehari yang menghubungkan Sibul dengan Kuala Lumpur, Kuching, Miri, Kota Kinabalu, Bintulu dan Johor Baharu, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695052>